

Cukupan tiga kali pilihan raya kecil

KEMENANGAN Barisan Nasional (BN) di Ampang Jaya tidak sepatutnya mendorong siapa mencabar mana-mana Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) supaya mengosongkan kerusi dan bertanding semula dalam pilihan raya kecil.

Ini kerana, pilihan raya kecil bukanlah penyelesaian masalah dan kemelut politik yang membangunkan bangsa Melayu sekarang. Ia sebaliknya adalah medan yang boleh melebarkan lagi jurang pergeseran dan tidak menguntungkan sesiapa.

Benar, BN menang di Ampang Jaya minggu lalu. Tetapi, kesan kemenangan dua minggu yang diadakan amat pahit untuk ditelan khususnya oleh orang Melayu sendiri. Ini pasti tidak dapat dikikis dalam beberapa hari.

Berdasarkan kepada kesan sepanjang tempoh itu, nyatalah pentang BN lebih banyak membangkitkan kebencian peribadi pemimpin, bukan menyebarkan dasar atau idea untuk membangunkan bangsa dan negara sekiranya mereka berkuasa. Dan, kerana tidak mahu tuduhan dan tohmah itu dibariskan begitu saja, sesetengah kalangan dalam BN juga tidak melepakan peluang untuk memburukkan pemimpin lawan, terutama ketika mereka berkuasa.

Kesan spontan daripada itu semua ialah seolah-olah tiada lagi pemimpin Melayu yang cekap, beretik moral dan amanah. Tidak ada lagi di antara mereka yang boleh diharap untuk membela bangsa dan negara.

Selain itu, semua pembongkaran yang tidak bermanfaat menjadi modal yang amat baik kepada orang lain untuk menertawakan gelagat orang Melayu.

Bukan selakat itu saja, sesetengah kalangan pula langsung tidak dapat menahan nafsu dan terus melancarkan kata-kata kasar dan kepongahan hatta mendokan supaya pemimpin yang mereka tidak gemari segera mati.

Ini semua bukannya peralihan orang Melayu sebenarnya. Ia bukannya lagi mencerminkan maruah sebenar orang Melayu yang setakat ini masih mawarisi kedaulatan bangsa dan tonggak pemerintahan negara.

Jadi, jika pilihan raya kecil berlaku lagi, walau di mana saja dan apa juga peringkatnya, semua ini pasti akan berulang. Tiada siapa yang dapat menahannya.

Solusinya: Apakah ini menguntungkan dan bermanfaat?

Pilihan raya kecil juga membunuh banyak masa pemimpin BN yang memerintah. Waktu mereka untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan rakyat akan terbuang. Pihak lawan, terutama golongan serpihan Umno, memanglah semacam tiada kerja lagi sekarang ini kecuali 'menajamkan' populariti menerusi platform pilihan raya kecil. Jika tidak, narasumber suara mereka hanyut begitu saja.

Tetapi, mereka juga harus membunuh banyak wang dalam pertaruhan itu. Khabarnya, pihak yang menentang BN dalam pilihan raya kecil Ampang Jaya membelanjakan tidak kurang daripada \$6 juta.

Jika khabarnya ini benar, nyatalah ini suatu pembaziran yang amat besar dan sia-sia belaka. Barangkali wang itu lebih bermanfaat sekiranya digunakan untuk membantu rakan-rakan yang terserpi kerana berutang.

Selain itu, kerjanya sendiri berbelanja sekurangnya \$2 juta bagi membolehkan sesuatu pilihan raya kecil diadakan. Ini tidak termasuk elau-kalangan keselamatan yang terpaksa dikerah sepanjang tempoh berjalan.

Orang Melayu kini harus diajak supaya melihat keputusan pilihan raya kecil Ampang Jaya dari sudut yang lebih rasional, bukan dari sudut yang mengutamakan kepentingan puak atau golongan semata-mata.

Ini penting kerana pihak-pihak yang bertanding dalam pilihan raya kecil itu, terutama Umno dan golongan serpihannya, di mana-mana saja mereka

Oleh
A R KAMALUDIN

menyuarakan dengan lantang ke arah perpaduan dan kesatuan orang Melayu.

Orang Melayu khususnya harus diajak mengenal pasti sesungguhnya keputusan di Ampang Jaya menunjukkan bahawa Umno selaku parti tonggak kerajaan patut diberi sokongan padu untuk meneruskan kesinambungan kuasa politik mereka.

Keputusan itu juga mencerminkan bahawa pengundi, khususnya orang Melayu, tidak mahu melihat kestabilan negara politik negara terancam seperti yang dilingkarkan sekiranya BN tewas di situ.

Rasa jijik orang Melayu juga jelas daripada keputusan pilihan raya kecil itu apabila mereka melihat betapa golongan serpihan sanggup melutut kepada DAP semata-mata kerana mahu sokongan pengundi di Cina.

Anggapan ini mereka cetuskan apabila melihat gambar Datuk Rais Yatim turut menandatangani suatu memorandum khusus untuk dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang disediakan oleh DAP.

Meskipun Datuk Rais menjelaskan kemudian bahawa Ahli Parlimen Pasir Mas, Haji Ibrahim Ali dan Ahli Parlimen Kuala Nerus, Haji Ibrahim Azmi Hassan, turut berbuat demikian, hati kecil orang Melayu sudah terhilir.

DAP juga sejak ditubuhkan pada 1965 secara terang-terang mahu 'merojakkan' semua kaum di Malaysia. Jadi, bagaimanakah patut wujud pakatan antara Umno dan DAP sedangkan golongan serpihan bermati-matian berusaha untuk menghidupkan Umno lama yang amat dimusuhi oleh parti itu?

Jika alasan DAP bahawa yang dimusuhi bukannya Umno tetapi pemimpin, alasan itu juga meleset kerana Datuk Harun pernah menerajui Umno Selangor dulu dan kini memimpin golongan serpihan di negeri itu.

Undi sokongan

Kalangan DAP mendakwa sekurang-kurangnya 5,000 pengundi Cina dan India mengundi Datuk Harun Idris dalam pilihan raya kecil itu, manakala Pas juga mendakwa sekurang-kurangnya 3,000 penyokongnya berbuat demikian.

Tentulah sukar bagi golongan serpihan Umno menolak dakwaan ini sementelahan ia sejak awal lagi menjadikan pilihan raya kecil itu sebagai platform bagi apa yang disebut sebagai 'angka-k' bersama DAP, Pas, PSRM dan Berjasa.

Dan, golongan serpihan tentulah tidak boleh menolak sama sekali hakikat bahawa PSRM dan Berjasa juga ada penyokongnya di kawasan itu, walaupun kecil, dan mereka ini turut mengundi Datuk Harun.

Jadi, jika dicampurkan semua undi sokongan itu, jelaslah bahawa undi sebenar orang Melayu yang diperolehi Datuk Harun tidaklah besar, bahkan tidak padan dengan kempen yang dijalankan oleh golongannya.

Dakwaan kononnya beliau mendapat 55 peratus daripada undi Melayu dalam pilihan raya kecil itu minggu lalu sesungguhnya tetap boleh dipertikaikan berdasarkan fakta-fakta di atas yang amat jelas.

Pelajaran paling besar yang didapati daripada kemenangan di Ampang Jaya ialah jumlah orang yang menghadiri ceramah sesungguhnya bukanlah lambang sokongan sebenar kepada pihak yang menganjurkan ceramah.

Kebanyakan ceramah BN, kecuali yang menampilkan Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba dan Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim, boleh dikatakan tidak mendapat sambutan jika jumlah orang yang hadir dijadikan ukuran.

Kesediaan ini bertentangan sama sekali dengan ceramah-ceramah yang dianjurkan oleh golongan serpihan. Ini kerana kebanyakan yang diumumkan dalam ceramah BN sudah diketahui umum dan mereka mahu tahu apa lebih daripada itu.

Tetapi jika yang diulhaskan dalam ceramah hanyalah maki-hamun dan sumpah-seranah, mereka tetap berasa bosan walaupun bukan mustahil mereka tetap taknang apabila peribadi pemim-

pin lain diburukkan di situ.

Pengundi Melayu juga sukar hendak menerima hakikat bagaimana golongan yang mahu menghidupkan Umno lama itu boleh duduk sekerusi dengan DAP, kecuali jika golongan itu berdasarkan perjuangan DAP selaku parti alternatif.

DAP umpamanya tentulah tidak akan mudah berbuat begitu sekiranya tampuk kekuasaan negara tidak turut dipegangnya bagi membolehkan perjuangannya mencairkan kekuatan politik BN tercapai.

Bukan mustahil kalau DAP menyaratkan nanti bahawa jika apa yang disebut sebagai 'barisan alternatif' itu berkuasa nanti, satu lagi jawatan Timbalan Perdana Menteri dikhususkkan kepada orang bukan Melayu, diwujudkan.

Dan bukan mustahil juga, satu atau dua portfolio kerajaan diberikan kepadanya bagi mewartakan kewujudannya dalam barisan itu. Bolehkah orang Melayu melihat golongan serpihan membenarkan ini?

Kedua pengundi Cina, mustahil mereka dapat menerima kewujudan Pas dalam barisan itu berdasarkan perjuangan parti itu dan matlamat yang dilau-laukannya selama ini?

Malah, pengikut Pas sendiri tidak akan menyokong perjuangan kepemimpinannya jika pandangan Pas terhadap orang yang bersekutu dengan orang bukan Islam selama ini dijadikan pegangan.

Tentulah mereka akan bertanya: Apakah bedanya orang Cina dalam MCA yang haram bagi Umno untuk berkawan jika dibandingkan dengan orang Cina dalam DAP yang kini menjadi sahabat kepada golongan serpihan?

Bahkan, apakah bukannya pula menurut kitab Pas yang membolehkan parti itu berkawan dan berkongsi kerusi dengan DAP? Semua ini tetap menjadi tanda tanya pengikut Pas khususnya dan orang Melayu amnya.

Namun, yang dinyatakan awal-awal tadi, cupulahan dengan Ampang Jaya selepas Parit Raja dan Johor Bahru. Kalau semua itu bertuju menduga pengaruh kepemimpinan sekarang, keputusannya sudah cukup jelas.

Walaupun memang agak pahit untuk pihak yang kalah menerima keputusan itu, ia adalah sebesar-besarnya hikmah dalam perjuangan dan segala pengajaran daripadanya eloklah dimanfaatkan.

Tidak mengadakan banyak lagi pilihan raya kecil sesungguhnya tidak berfaedah lagi, bukan saja kepada pihak yang menentang kepemimpinan BN, dan khususnya Umno, bahkan kepada pihak yang menentangannya.

Jika pilihan raya kecil dipaksakan juga, tentulah akan banyak lagi pekung yang ada di kalangan pemimpin Melayu akan dibuka, satu demi satu, semata-mata untuk memuaskan hati dan menurut nafsu belaka.

Menggunakan pilihan raya kecil sebagai platform untuk memuntahkan kemarahan diri terhadap orang lain juga tidak memberi kesan apa-apa dalam perjuangan, kerana ia berasas kepada kepentingan peribadi belaka.

Apa juga yang dimuntahkan oleh DAP atau Pas, umpamanya, memang boleh dilihat kelainannya. Ini kerana dasar perjuangan kedua-dua parti itu memang berbeza sama sekali khususnya dengan Umno.

Tetapi, jika yang memuntahkan kemarahan dan kebencian terhadap sebarang pemimpin Umno sekarang dibuat oleh orang yang mendapat kemewahan dan kesenangan menerusi Umno, keadanya tetap lain sama sekali.

Jika yang memuntahkan semua itu bercakap bertanding di atas pentas, dia tidak sedang bahawa di bawah pentas ramai orang 'membaca' semua sejarah silam yang berhubung kait dengan dirinya.

Ini kerana umumnya, orang tua bahawa pemimpin golongan serpihan sekarang kaya raya dan senang lenang. Semua kekayaan itu tidak boleh mereka kumpul sekiranya mereka hanya 'makan gaji' sebab keluar dari universiti.

Bahkan, kekayaan yang memampukan mereka berbelanja besar dalam pilihan raya kecil juga datangnya menerusi kuasa ketika dalam Umno selama ini. Sukar hendak dipercayai kalau dikatakan kekayaan itu 'kekayaan asal'.

Jadi, cupulahan dengan tiga pilihan raya kecil saja.

Yang penting bukan siapa yang menang pilihan raya kecil Ampang Jaya tetapi kesan kemenangan selama dua minggu yang amat pahit untuk ditelan khususnya oleh orang Melayu sendiri. Ini pasti tidak dapat dikikis dalam beberapa hari



Bahan asal dari Arkiid
Negara Malaysia